

**TEKS UCAPAN**  
**PROFESOR DR RAHA ABDUL RAHIM**  
**NAIB CANSOLOR**

---

**Majlis Pelancaran Kempen 'Cashless Campus', UTeM. .**

*27 September 2019, (Jumaat), 9.00 Pagi, Dewan Canselor UTeM*

Terima kasih saudara saudari pengacara majlis,

**Yang Amat Berhormat Tuan Adly Bin Zahari**

Ketua Menteri Melaka

**Yang Berhormat Tuan Noor Effandi Bin Ahmad**

Exco Pendidikan, Modal Insan, Sains Dan Inovasi Negeri Melaka

**Yang Berhormat Tuan Kerk Chee Yee**

Exco Komunikasi, Multimedia, NGO, Pembangunan Belia Dan Sukan Negeri Melaka

**Yang Berusaha Encik Firdaus Bin Ghani**

Pengarah, Bahagian Pengurusan Pihak Berkepentingan Payments Network Malaysia (Paynet)

**Yang Berusaha En Mohamed Iran Moriff Mohd Shariff**

Ketua Pegawai Operasi Bank Islam Malaysia Berhad

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Rakan Media, Majlis Perwakilan Pelajar UTeM, staf, pelajar, hadirin dan hadirat sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh

Salam Sejahtera, Salam Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau, Bersih.

1. Alhamdulillah, pertama sekali, marilah kita panjatkan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah Taa'la, di atas izin-Nya, kita diberi peluang hadir dan berkumpul pada pagi Jumaat yang barakah ini bersempena **Majlis Pelancaran Kempen Cashless Campus, UTeM.**

2. Saya dan seluruh warga UTeM amat berbesar hati dan mengalu-alukan kehadiran **Yang Amat Berhormat Tuan Adly bin Zahari, Ketua Menteri Melaka**, kerana sudi bersama kita pada pagi ini, biarpun amat sibuk dengan jadual tugas kerja yang padat.
  
3. Saya amat yakin, kehadiran Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka akan memberi inspirasi dan pembakar semangat serta dapat mengukuhkan lagi ukhwah khususnya di kalangan mahasiswa dan mahasiswi bersama pihak Kerajaan Negeri Melaka.

4. Dikesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan selamat datang kepada semua dif-dif jemputan. Terima kasih kerana sudi meluangkan masa memenuhi jemputan hadir ke program ini.
5. Sebagai makluman Yang Amat Berhormat, hadirin dan hadirat sekalian, Kempen Cashless Campus UTeM diadakan selama lima bulan bermula 27 September 2019 hingga 29 Februari 2020 di semua kaunter-kaunter terimaan, kafe-kafe dan kedai-kedai jualan di UTeM.
6. Menariknya, hadiah sebanyak RM50,000.00 disediakan kepada yang bertuah iaitu 2 unit motorsikal, 2 unit komputer riba, 2 unit telefon pintar, dan 150 hadiah bulanan berupa wang tunai bernilai RM100.00 bagi setiap pemenang. Jadi, saya menyeru, kepada warga UTeM untuk merebut peluang ini dengan sebaik-baiknya, dengan melakukan sebanyak mungkin transaksi secara cashless di dalam kampus ini.

## **Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian,**

7. UTeM senantiasa cakna dan bersedia menghadapi cabaran era kini yang semakin kompleks khususnya berkaitan Revolusi Industri 4.0, IOT, Smart City, Smart Campus dan sebagainya. Dalam menempuhi rintangan ini, UTeM terus mengorak langkah dengan memperkenalkan inisiatif '*Smart Campus*' menerusi beberapa projek seperti '*Cashless Campus*', '*Unified Communication*', penggunaan '*QR Code*' bagi merekod kehadiran ke program dan sesi perkuliahan, serta pelbagai projek dan aktiviti penyelidikan di Fakulti-fakulti.

8. Kempen '*Cashless Campus*' yang dilancarkan pada hari ini merupakan satu usaha yang seiring dengan hasrat universiti ke arah mencapai status kampus pintar sepenuhnya, yang sekaligus turut menyokong hasrat Kerajaan dalam mengurangkan kebergantungan transaksi pembayaran tunai menjelang tahun 2020.
  
9. Dalam memastikan usaha ke arah '*Cashless Campus*' dilaksanakan dengan jayanya, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh UTeM bermula sejak Januari 2018 lagi. Menerusi kerjasama strategik bersama pihak Bank Islam Malaysia Berhad, penggunaan kad matrik pelajar dan staf yang berasaskan kad bank atau kad debit telah diperkenalkan. Kad ini bersifat pelbagai fungsi penggunaan, antaranya sebagai kad ID, kad akses pintu pejabat, akses penggunaan perkhidmatan perpustakaan,

dan juga merupakan kad bank untuk urusan ATM atau membuat bayaran secara *'paywave'*.

10. Dalam menyemarakkan usaha murni ini, pihak Pengurusan Universiti juga turut menguatkuasakan pembayaran dan terimaan secara *'cashless'* di semua kaunter perkhidmatan universiti bagi pembayaran yuran, dan pelbagai hasil universiti yang lain. Baru-baru ini, semasa Hari Pendaftaran Pelajar Baharu, pihak Pejabat Bendahari telah menerima pembayaran sepenuhnya melalui MyDebit, FPX, MIGS atau JomPAY. Ini secara langsung dapat menjimatkan kos-kos dalam pengurusan wang tunai seperti perlantikan keselamatan dan penghantaran wang tunai ke bank.



## **Hadirin dan Hadirat sekalian,**

11. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih sekali lagi kepada **Yang Amat Berhormat Tuan Adly bin Zahari, Ketua Menteri Melaka** dan pihak kerajaan negeri Melaka yang tidak pernah jemu memberikan nasihat serta sokongan berterusan kepada UTeM.
  
12. Tidak dilupakan, jutaan terima kasih juga kepada Bank Islam Malaysia Berhad kerana telah menjadi rakan strategik UTeM sejak dari tahun 2017 dan bersama-sama membantu UTeM dalam menyediakan hampir 40 terminal pembayaran secara '*Paywave*' dengan percuma di seluruh kaunter dan Café di UTeM.

13. Selain itu, setinggi-tinggi terima kasih juga diucapkan kepada Payment Networks Malaysia atay PayNet, iaitu sebuah organisasi yang mempromosikan aktiviti '*Cashless*' di Malaysia kerana telah menyalurkan dana berjumlah 100,000.00 Ringgit Malaysia kepada UTeM bagi merealisasikan inisiatif murni ini.
  
14. Ucapan syabas dan tahniah juga diucapkan kepada Ketua Pegawai Maklumat UTeM dan semua ahli Jawatankuasa Pelaksana di atas segala usaha dan komitmen dalam menjayakan program ini.

15. Insya Allah, UTeM akan terus menganjurkan lebih banyak program-program berimpak seumpama ini di masa akan datang, demi kualiti dan kesejahteraan ekosistem yang lebih baik dan mantap untuk manfaat kita bersama.

**Anjung bitara ilmuan terkenal,  
Lembayung ilmu dakapan insan;  
Kondusif persekitaran Universiti Digital,  
Mengadaptasi teknologi memacu kejayaan.**

Sekian *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wrt. wbt.* Terima kasih.